

3755/1
Perdagangan
Kertas 1
Ogos/ September
2013
1 ¼ jam



PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2013

ANJURAN

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

MODUL A

PERDAGANGAN SPM

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Modul ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Modul ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1 Pernyataan yang manakah menerangkan tentang keperluan manusia? OP1/R

- A Diingini untuk hidup dengan lebih selesa
- B Berbeza mengikut taraf hidup
- C Perlu untuk terus hidup
- D Sukar dipuaskan

2 Situasi berikut berkaitan dengan penciptaan nilai faedah. OP2/R

Encik Jumaat menangkap udang harimau ternakannya di kolam dan menghantar ke pasar untuk dijual.

Antara berikut, nilai faedah manakah yang dicipta?

- I Nilai faedah masa
- II Nilai faedah milikan
- III Nilai faedah tempat
- IV Nilai faedah bentuk
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3 Faktor pengeluaran yang manakah merupakan daya penggerak dalam menghasilkan sesuatu barang? OP1/S

- A Tanah
- B Buruh
- C Modal
- D Usahawan

4 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pengkhususan.

OP2/R

- Negeri Terengganu - perusahaan keropok
- Negeri Pahang - pembalakan

Apakah jenis pengkhususan tersebut?

- A Pengkhususan mengikut proses
- B Pengkhususan mengikut profesi
- C Pengkhususan mengikut kawasan
- D Pengkhususan antarabangsa

5 Apakah syarat utama yang perlu dipenuhi dalam sistem barter?

OP1/R

- A Barang tahan lama
- B Barang mudah dibawa
- C Wujudnya kemahuan serentak
- D Wujudnya persetujuan nilai pertukaran

6 Situasi berikut berkaitan dengan aktiviti bantuan perniagaan.

OP2/R

Puan Mariam, seorang peruncit memesan bekalan buah naga melalui telefon. Buah naga dihantar oleh pembekal dengan menggunakan lori. Beliau membuat pembayaran dengan cek.

Apakah bantuan perniagaan yang terlibat ?

- A Promosi , Perbankan dan Komunikasi
- B Pengangkutan, Komunikasi dan Promosi
- C Komunikasi, Pengangkutan dan Perbankan
- D Perbankan, Pengangkutan dan Promosi


7 Pernyataan manakah yang menerangkan maksud perdagangan?

OP1/R

- A Membeli dan menjual barang untuk mendapat keuntungan
- B Mencipta nilai faedah ke atas barang dan perkhidmatan
- C Menghasilkan barang untuk memenuhi keperluan manusia
- D Mengagihkan barang dari pengeluar kepada pengguna akhir

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 8 Apakah jenis saluran agihan yang diamalkan oleh peruncit besar-besaran? OP1/S
- A Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna
 B Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna
 C Pengeluar → Peruncit → Pengguna
 D Pengeluar → Pengguna
- 9 Rajah 1 menunjukkan cabang perniagaan dalam negeri. OP1/S



Rajah 1

- Apakah fungsi Y?
- A Membeli secara kredit daripada pengeluar
 B Memberi layanan peribadi kepada pengguna
 C Menyediakan pengangkutan kepada pengguna
 D Membeli secara pukal dan membayar segera
- 10 Pasangan manakah yang **benar** tentang jenis perniagaan runcit ? OP2/R

	Peruncit kecil-kecilan	Peruncit besar-besaran
A	Kedai am	Kedai khusus
B	Penjaja	Pasar raya
C	Kedai sejaras	Pasar raya besar
D	Jualan langsung	Francais

11 Rajah 2 merujuk kepada dokumen perniagaan.

INVOIS				
Syarikat Pemborong Megah 99, Jalan Puteri 53000 Kuala Lumpur Tel/ Faks : 03 26990077			Tarikh : 27 Julai 2013 No. invois : 14297	
No rujukan	Butir	Kuantiti	Harga (RM)	Jumlah (RM)
Kasut F 44	Jenama Canggih	50 pasang	20.00	1000.00
		Tolak diskau niaga 20%		200.00
		JUMLAH BERSIH		800.00

Serahan : Angkutan dibayar
 Syarat : 5% 10 hari, 2% 30 hari

K & K diK

 (FATIN)
 Pengurus

Rajah 2

Berapakah bayaran yang perlu dibuat oleh Kedai Kasut 1Malaysia pada 2 Ogos 2013? OP2/T

- A RM760.00
- B RM784.00
- C RM800.00
- D RM950.00

[Lihat halaman sebelah
SULIT

12 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis perniagaan runcit.

OP2/R

- Mempunyai banyak cawangan
- Mempunyai nama dan logo yang sama
- Di bawah kawalan dan pentadbiran ibu pejabat

Apakah jenis perniagaan tersebut?

- A Francais
- B Kedai sejaras
- C Pasar raya besar
- D Gedung aneka jabatan

13 Apakah kelebihan yang diperoleh konsaini melalui kaedah jualan konsainan?

OP1/S

- A Menjual pelbagai jenis barang
- B Menjimatkan masa menjual barang
- C Membayar sedikit kos dan komisen sahaja
- D Menjual barang mengikut kehendak sendiri

14 Pernyataan yang manakah berkaitan perniagaan antarabangsa?

OP1/S

- A Pertukaran mata wang asing dilakukan
- B Penggunaan mata wang yang sama
- C Pembayaran hutang yang mudah
- D Penggunaan satu bahasa

15 Maklumat berikut berkaitan sejenis dokumen perniagaan antarabangsa.

OP1/S

- Boleh dicagarkan untuk mendapat pinjaman bank
- Dikemukakan untuk menuntut barang di pelabuhan

Apakah dokumen tersebut?

- A Nota perkapalan
- B Invois konsular
- C Sijil asal usul
- D Bil muatan

SULIT

- 16** Pasangan manakah yang menerangkan tentang kegiatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)?
OP2/R

	Industri	Produk yang dihasilkan
A	Berasaskan logam	Wayar
B	Berasaskan plastik	Botol ubat
C	Komponen elektrik	Alat ganti jentera
D	Komponen automatif	Petrokimia

- 17** Maklumat berikut berkaitan satu program kerajaan untuk mengatasi masalah Industri Kecil dan Sederhana (IKS).
OP1/T

- Menyediakan geran membeli peralatan dan teknologi terkini
- Memberi taraf perintis untuk IKS yang mengeluarkan produk inovatif

Apakah program tersebut?

- A Rantaian Industri
 B Pembangunan Infrastruktur
 C Penyelidikan dan Pembangunan
 D Pembayaran dan Peningkatan Kemahiran
- 18** Apakah aspek penting pengurusan sumber manusia dalam pengendalian perniagaan? OP1/S
- A Menganalisis prestasi perniagaan
 B Mengetahui sifat pelanggan
 C Mematuhi undang-undang
 D Menyimpan maklumat

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 19** Situasi berikut berkaitan dengan jenis rakan kongsi.

OP2/T

Encik Roslin terlibat dalam pengurusan dan dibayar gaji manakala rakan kongsinya Encik Faiz tidak menyumbangkan modal tetapi membenarkan namanya digunakan dalam perniagaan.

Apakah jenis rakan kongsi tersebut?

	Encik Roslin	Encik Faiz
A	Rakan kongsi aktif	Rakan kongsi lelap
B	Rakan kongsi lelap	Rakan kongsi nominal
C	Rakan kongsi nominal	Rakan kongsi lelap
D	Rakan kongsi aktif	Rakan kongsi nominal

- 20** Encik Khalid menyimpan wang dalam akaun simpanan tetap sebanyak RM 10 000 untuk tempoh 6 bulan. Kadar faedah adalah 5% setahun.

Berapakah jumlah faedah yang diterima oleh Encik Khalid pada akhir tempoh matang? OP2/T

- A RM250
- B RM500
- C RM10 250
- D RM10 500

- 21** Penyataan berikut berkaitan sejenis spekulator.

OP2/S

Menjual syer secara besar-besaran dengan harapan membeli balik syer itu apabila harganya turun.

Siapakah spekulator tersebut?

- A Stag
- B Broker
- C Penelah naik
- D Penelah turun

22 Antara berikut, yang manakah merupakan pulangan yang dinikmati oleh pemegang saham syarikat berhad? OP1/S

- I Faedah
- II Dividen
- III Syer bonus
- IV Pendapatan semasa
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

23 Logo yang manakah merupakan bank badan berkanun? OP2/S

A



B



C




D



[Lihat halaman sebelah
SULIT

24 Rajah 3 menunjukkan perkhidmatan simpanan bank perdagangan.

OP2/R



Rajah 3

Apakah X?

- A Akaun GIRO
- B Akaun SEDAR
- C Akaun Simpanan Tetap
- D Akaun Wadiah

25 Mengapa cek berpalang khas lebih selamat berbanding cek berpalang am? OP2/T

- A Boleh mengarahkan bank menghentikan pembayaran jika cek dicuri
- B Hanya boleh ditunaikan oleh penerima apabila ditandatangani di belakang cek
- C Boleh dimasukkan ke dalam mana-mana akaun bank penerima untuk dijelaskan
- D Hanya boleh dimasukkan ke dalam akaun bank yang tercatat dalam ruang palang

26 Puan Linda ingin menginsuranskan rumah yang disewanya daripada risiko kebakaran tetapi pemohonannya ditolak kerana tidak mematuhi prinsip insurans.

Apakah prinsip tersebut?

OP2/S

- A Kepentingan boleh insurans
- B Doktrin sebab hampiran
- C Penuh percaya mutlak
- D Subrogasi

27 Situasi berikut berkaitan dengan sejenis polisi insurans.

OP2/S

Encik Zainal telah membeli sejenis polisi insurans semasa menandatangani pinjaman perumahan. Setelah beliau meninggal dunia, isteri dan anak-anaknya mendapat hak milik rumah tersebut tanpa perlu membayar baki hutang pinjaman.

Apakah jenis polisi insurans tersebut?

- A Insurans hayat
- B Insurans gadaian
- C Insurans kesihatan
- D Insurans kemalangan

28 Apakah kelebihan pengangkutan laut berbanding pengangkutan udara dalam perniagaan antarabangsa?

OP1/S

- A Mengangkut barang tahan lama secara pukal
- B Mempercepatkan perjalanan kerana tiada kesesakan
- C Menghantar muatan terus ke pintu pelanggan
- D Memudahkan kerja pemunggahan

29 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pengangkutan laut.

OP2/S

- Jadual perjalanan tidak tetap
- Tambang kapal boleh dirunding
- Menggunakan dokumen janji carter

Apakah jenis kapal tersebut ?

- A Kapal kargo
- B Kapal kerentan
- C Kapal penumpang
- D Kapal pesisir pantai

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 30 Antara yang berikut, pernyataan manakah yang menerangkan perkhidmatan kurier? OP1/S
- I Perkhidmatan penghantaran yang cekap di dalam dan luar negara
 - II Mempercepatkan penghantaran dokumen dan bungkusan
 - III Kos yang murah telah meluaskan penggunaannya
 - IV Hanya disediakan oleh Pos Malaysia Berhad
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 31 Pengurus cawangan Syarikat Aman telah menghantar graf jualan ke ibu pejabat dengan menggunakan perkhidmatan telefaks.
Mengapa beliau menggunakan perkhidmatan tersebut? OP2/S
- A Mengirim dokumen asal secara sulit
 - B Menghantar salinan asal dengan segera
 - C Memberitahu pegawai di ibu pejabat secara lisan
 - D Memudahkan kawalan dan pentadbiran perniagaan
- 32 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri gudang yang baik ? OP1/S
- I Terletak di tempat yang menjadi tumpuan ramai
 - II Menyediakan ruang pameran yang luas dan menarik
 - III Mengamalkan pengkhususan dalam pengurusan gudang
 - IV Mempunyai peralatan yang moden dan canggih
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 33** Encik Haikal ialah seorang pengimport daging beku. Beliau berhasrat menangguhkan bayaran cukai importnya. Oleh itu, daging beku perlu disimpan dalam gudang tertentu.

Antara yang berikut, gudang manakah yang diperlukan ?

OP2/T

- I Gudang pemberong
- II Gudang berbon
- III Penyetoran sejuk
- IV Gudang kerajaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 34** Maklumat berikut adalah slogan iklan yang digunakan untuk dua produk.

OP2/T

Produk	Slogan Iklan
P	Rambut bersinar sepanjang hari
Q	Sihat dan bertenaga bersama MAILO

Apakah jenis pujukan di dalam slogan iklan tersebut ?

	Produk P	Produk Q
A	Pujukan moral	Pujukan emosi
B	Pujukan rasional	Pujukan moral
C	Pujukan emosi	Pujukan rasional
D	Pujukan rasional	Pujukan emosi

[Lihat halaman sebelah
SULIT

35 Perbualan berikut berkaitan dengan sejenis promosi.

OP2/R

Salim : Astro Kembara telah menyiaran pakej percutian yang menarik di Pulau Sentosa. Harganya pun berpatutan. Saya bercadang membawa keluarga bercuti ke sana.
Asmawi : Ya ke? Saya pun teringin juga ke sana!

Apakah promosi tersebut?

- A Publisiti
- B Jualan terus
- C Pengiklanan
- D Promosi Jualan

36 Encik Lim adalah seorang pengusaha perabot berasaskan kayu getah yang berjaya di Malaysia. Beliau bercadang untuk memasarkan keluarannya ke Eropah.

Apakah agensi kerajaan yang boleh membantu beliau?

OP2/S

- A Lembaga Getah Malaysia (MRB)
- B Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- C Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM)
- D Perbadanan Pembangunan Perniagaan Antarabangsa Malaysia (MATRADE)

37 Pernyataan berikut berkaitan dengan hak pengguna.

OP1/S

Pengguna hendaklah dilindungi daripada pengeluar atau peniaga yang menggunakan iklan dengan tujuan menipu atau mengelirukan pengguna.

Apakah hak pengguna tersebut?

- A Hak mendapat maklumat
- B Hak mendapat ganti rugi
- C Hak mendapat keperluan asas
- D Hak mendapat pendidikan kepenggunaan

SULIT

- 38** Antara berikut yang manakah merupakan persamaan peranan Persatuan Pengguna dengan Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)? OP2/T

- I Mengadakan pendidikan kepenggunaan
 - II Membuat tuntutan ganti rugi bagi pihak pengguna
 - III Mengambil tindakan segera terhadap peniaga yang tidak bertanggungjawab
 - IV Membuat kajian dan penyelidikan ke atas barang yang dibeli oleh pengguna
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 39 dan **40** berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 39** I Perbadanan awam diurus oleh Lembaga Pengarah yang dilantik oleh pemegang syer.
 II Perbadanan awam ditubuhkan kerana kadar pulangan modal atas perkhidmatan amat rendah. OP1/R
- 40** I Promosi dapat mengekalkan permintaan atau pasaran sedia ada. OP1/R
 II Promosi membantu peniaga mengenal pasti sasaran pengguna.

KERTAS SOALAN TAMAT

3755/2
Perdagangan
Kertas 2
Ogos/ September
2013
2 jam



PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2013

ANJURAN

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

MODUL A

PERDAGANGAN SPM

KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Modul A ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A dan Bahagian B .*
 2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
 3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian A dan 40 minit untuk menjawab soalan Bahagian B.*
 4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
 5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
 6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik .*
 7. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*
-

Modul soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak 1 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 1 (a) Jelaskan **tiga** perbezaan di antara keperluan dan kehendak.

[6 markah]
OP1/R


- (b) Situasi berikut berkaitan dengan Puan Zauyah, seorang pengusaha buah jambu batu.

Kebun Puan Zauyah terletak di Bidor, Perak. Hasil tanamannya dijual kepada peniaga-peniaga buah-buahan di bandar berhampiran. Beliau juga menjual jus buah jambu di gerainya yang terletak di tepi jalan.

Huraikan **dua** nilai faedah yang terlibat.

[6 markah]
OP1/T

- (c) Rajah 1 menunjukkan cabang pengeluaran



Rajah 1

Terangkan cabang pengeluaran berikut:

(i) P

[2 markah]

(ii) Q

[2 markah]
OP1/S

- (d) Jelaskan maksud perniagaan. [3 markah]
OP1/R
- (e) Gambar 1 menunjukkan sejenis bantuan perniagaan.



Gambar 1

Bagaimanakah bantuan perniagaan tersebut membantu peniaga?

[6 markah]
OP3/S

2 (a) Maklumat berikut berkaitan sejenis perniagaan.

- Menjual barang dalam kuantiti yang kecil
- Memberi kredit dan memperoleh kemudahan kredit

(i) Apakah bentuk perniagaan tersebut? [1 markah]
OP1/R

(ii) Terangkan **tiga** fungsi perniagaan di 2(a)(i) dalam saluran agihan. [6 markah]
OP2/S

(b) Berikut adalah sejenis dokumen perniagaan dalam negeri.

INVOIS PERNIAGAAN ILHAM SDN BHD 23 JLN MUTIARA 14120 SEBERANG PRAI PULAU PINANG				
Kedai Perabot Kota				Tarikh : 1 Ogos 2013
Jalan Badlishah,				No. Invois : 9113
08000 Sungai Petani.				
Bil	Butiran	Kuantiti	Harga (RM)	Jumlah
1	Almari	4	900.00	3600.00
2	Katil	4	1100.00	4400.00
				Jumlah
				8000.00
				Tolak : Dis.Niaga (20%)
				1600.00
				Harga bersih
				6400.00

Syarat : Angkutan dibayar
5% 15 hari, 2% 30 hari
K & K di K

Azlee
Pengurus

- (i) Nyatakan pihak yang mengeluarkan dokumen di atas. [1 markah]
OP1/R
- (ii) Apakah kesan syarat angkutan dibayar di dalam dokumen di atas kepada Kedai Perabot Kota? [2 markah]
OP1/R
- (iii) Jelaskan **dua** fungsi dokumen tersebut. [2 markah]
OP2/R
- (iv) Hitung jumlah yang perlu dibayar oleh Kedai Perabot Kota jika bayaran dibuat pada 14 Ogos 2013. [3 markah]
OP3/T

- (c) Dialog berikut berkaitan sejenis kaedah jualan.

Encik Aman	Wah! Ali, beli kereta baru nampaknya. Kereta impot pula tu, tentu mahal harganya.
Encik Ali	Ye lah Aman, sesekali beli biarlah bermutu, tetapi saya cuma perlu membayar sedikit wang pendahuluan dan baki hutang dibayar secara ansuran. Tetapi sekiranya saya tidak menjelaskan ansuran, barang tersebut boleh di tarik balik oleh penjual.
Encik Aman	Bagus juga tu, bolehlah kita menikmati barang-barang yang mahal tanpa dibayar secara tunai.

- (i) Apakah kaedah jualan tersebut? [1 markah]
OP1/R
- (ii) Jelaskan **tiga** kelebihan kaedah jualan di 2(c)(i) kepada penjual. [3 markah]
OP2/T
- (d) (i) Jelaskan **dua** kegunaan sijil asal usul. [2 markah]
OP2/R
- (ii) Terangkan **dua** kepentingan perniagaan antarabangsa kepada pengeluar. [4 markah]
OP1/S

[Lihat halaman sebelah]

- 3 (a) Maklumat berikut berkaitan dua jenis industri.

PERNIAGAAN A	PERNIAGAAN B
<ul style="list-style-type: none"> • Husin dan rakan pengusaha tanaman cili dan tomato • Membekalkan hasil cili dan tomato kepada industri B 	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat Alif Sdn.Bhd merupakan sebuah industri kecil dan sederhana. • Pengeluar SOS berasaskan cili dan tomato. • Mempunyai 50 orang pekerja tetap 

- (i) Huraikan kegiatan industri kecil dan sederhana yang diceburi oleh Perniagaan B. [3 markah]
OP1/R
- (ii) Terangkan **dua** sumbangan Perniagaan B kepada masyarakat. [4 markah]
OP1/R
- (iii) Terangkan **tiga** perbezaan antara jenis milikan Perniagaan A dan Perniagaan B. [6 markah]
OP2/T
- (b) Pernyataan berikut berkaitan dengan sejenis milikan perniagaan.
- Suatu unit perniagaan ditubuhkan oleh sekumpulan individu secara sukarela dengan tujuan melindungi kepentingan dan kebajikan bersama.
- (i) Apakah jenis pemilikan perniagaan tersebut? [1 markah]
OP1/R
- (ii) Jelaskan **tiga** prinsip yang diamalkan oleh jenis milikan perniagaan di 3(b)(i). [3 markah]
OP2/S
- (c) (i) Terangkan **dua** jenis pelaburan yang berisiko rendah. [4 markah]
OP2
- (ii) Jelaskan **empat** peranan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). [4 markah]
OP2/S

- 4 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan **dua** jenis sistem perbankan.

Sistem perbankan X	Sistem perbankan Y
Memberi dan menerima faedah	Perkongsian keuntungan

- (i) Apakah X dan Y? [2 markah]
OP1/R
- (ii) Jelaskan **tiga** perbezaan antara X dan Y. [6 markah]
OP/S
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis kemudahan simpanan.
- Simpanan wang dalam jumlah yang kecil dan tidak tetap
 - Diberi kemudahan kad ATM
 - Dibayar faedah atas simpanan
- (i) Apakah kemudahan simpanan tersebut? [1 markah]
OP/R
- (ii) Jelaskan **tiga** kebaikan kemudahan di 4 (b)(i). [3 markah]
OP2/S
- (c) Situasi di bawah mengenai seorang peniaga yang menginsuranskan perniagaannya.

Haji Abdul Rahman seorang peniaga di Bandar Puteri Jaya. Beliau memiliki sebuah pasar mini. Beliau membeli polisi insurans kebakaran daripada tiga insurer bernilai RM30 000 setiap satu. Pasar mininya terbakar. Nilai taksiran kerugian ialah RM 60 000.

- (i) Berapakah nilai pampasan yang perlu dibayar oleh setiap insurer?
Berikan **tiga** alasan. [4 markah]
OP2/S
- (ii) Jelaskan **tiga** peranan insurans kepada Haji Abdul Rahman. [3 markah]
OP1/R

[Lihat halaman sebelah]

- (d) Gambar 2 menunjukkan satu jenis pengangkutan.



Gambar 2

Terangkan **tiga** kelebihan jenis pengangkutan di atas.

[6 markah]

OP3/T

5 (a) Gambar 3 menunjukkan sejenis perkhidmatan komunikasi.




Gambar 3

- (i) Apakah perkhidmatan tersebut? [1 markah]
OP1/R
- (ii) Jelaskan **lima** kelebihan perkhidmatan komunikasi di 5 (a)(i). [5 markah]
OP1/S
- (b) Maklumat berikut berkaitan ciri gudang yang baik.
- Mempunyai ciri keselamatan yang baik
 - Pengurusan yang cekap dan teratur
- Terangkan **tiga** ciri gudang yang baik selain daripada yang dinyatakan di atas. [6 markah]
OP2/S

- 5 (c) Jelaskan peranan **empat** promosi dalam perniagaan. [4 markah]
OP1/R
- (d) Maklumat berikut berkaitan sejenis pengiklanan.

- (i) Apakah jenis pengiklanan tersebut? [1 markah]
OP1/S
- (ii) Jelaskan **empat** tujuan pengiklanan di 5 (d)(i). [4 markah]
OP3/T
- (e) Gambar 4 berikut berkaitan sejenis media pengiklanan.



Gambar 4

Terangkan **dua** kebaikan penggunaan media di atas.

[4 markah]
OP1/S

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab.

- 6 Baca kes di bawah dengan teliti.

Encik Asri bercita-cita menjadi usahawan yang berjaya. Beliau telah meletak jawatan sebagai penyelia sebuah kilang perabot di Shah Alam, Selangor setelah bekerja selama 10 tahun. Encik Asri mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang penghasilan perabot. Beliau yakin pasaran perabot semakin berkembang kerana berlaku pertambahan projek perumahan.

Berbekalkan modal sebanyak RM100 000 hasil simpanan peribadi, sumbangan dua orang rakan RM80 000 dan pinjaman RM500 000 dari Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (SME Bank Berhad), Encik Asri telah mendirikan sebuah kilang membuat perabot di kawasan perumahan baru di pinggir bandar Sungai Petani, Kedah. Syarikatnya dikenali sebagai Syarikat Perabot Bahagia Sendirian Berhad. Lokasinya yang strategik serta pasaran yang baik memudahkan beliau memajukan perniagaan syarikatnya.

Encik Asri mendapat sebahagian stok perabotnya dari kilang, tempat beliau pernah bekerja pada harga yang berpatutan. Sebahagian lagi perabot diusahakan di kilangnya dengan bentuk rekaannya sendiri. Beliau juga mengupah 20 orang pekerja tetap lepasan Pusat Giat MARA untuk membantunya. Beberapa buah mesin terpakai yang dibeli olehnya digunakan dalam kerja pembuatan perabot. Perabotnya laris dijual kerana cantik dengan rekaan terkini serta berkualiti. Pada tahun 2012 syarikat telah memperoleh jualan tahunan sebanyak RM2 juta.

Encik Asri kerap mendapat rungutan dari pelangannya kerana harga jualan perabotnya agak mahal. Para pelanggan merungut mereka memerlukan perabot yang berkualiti dengan harga yang lebih rendah. Encik Asri berasa serba salah kerana kos bahan mentah dan upah semakin tinggi. Beliau juga menghadapi persaingan dari perabot yang diimport dari China.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Terangkan **tiga** ciri usahawan yang dimiliki pada Encik Asri. [6 markah]
OP2/S
- (b) Terangkan **tiga** peranan Encik Asri terhadap masyarakat di kawasannya. [6 markah]
OP2/S
- (c) Adakah perniagaan Encik Asri merupakan sebuah Industri Kecil dan Sederhana? Huraikan **dua** alasan. [7 markah]
OP3/T
- (d) Nyatakan **dua** perkhidmatan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (SME Bank Berhad) untuk membantu perniagaan Encik Asri. [2 markah]
OP2/S
- (e) Terangkan **dua** tanggungjawab pengguna terhadap Encik Asri. [4 markah]
OP2/S

KERTAS SOALAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah



PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2013

ANJURAN

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

MODUL A
PERDAGANGAN SPM
KERTAS 1
PERATURAN PEMARKAHAN

**PERATURAN PEMARKAHAN
MODUL A PERDAGANGAN SPM
KERTAS 1
2013**

1 C	21 D
2 C	22 D
3 D	23 B
4 C	24 C
5 C	25 D
6 C	26 A
7 D	27 B
8 C	28 A
9 D	29 B
10 B	30 A
11 A	31 B
12 B	32 D
13 A	33 C
14 A	34 C
15 D	35 A
16 B	36 D
17 C	37 A
18 C	38 B
19 D	39 B
20 A	40 A

- A =09
B =10
C =10
D =11



PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2013

ANJURAN

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

MODUL A

PERDAGANGAN SPM

KERTAS 2

PERATURAN PEMARKAHAN

Soalan	Butiran				Markah
1 (a)	Keperluan			Kehendak	1+1 1+1 1+1 1+1 1+1 [6 m]
	B1	Perlu dipenuhi untuk terus hidup	B1	Hanya pelengkap kepada keperluan/untuk hidup dengan lebih selesa	
	B2	Sama bagi semua manusia	B2	Berbeza mengikut taraf hidup	
	B3	Mudah dipenuhi / terhad	B3	Tidak terhad / sukar dipenuhi	
	B4	Merupakan tuntutan semulajadi manusia	B4	Dipelajari dari pengalaman / persekitaran	
	B5	Contoh: makanan/ pakaian/ tempat tinggal	B5	Contoh: rumah banglo/ kereta mewah / contoh-contoh lain	
1 (b)	F1	- Nilai faedah tempat			1
	H1	- Memindahkan barang ke tempat yang mempunyai permintaan			1
	C1	- Memindahkan buah jambu batu dari Bidor ke bandar-bandar berhampiran			1
	F2	- Nilai faedah bentuk			1
	H2	- Mengubah bentuk sesuatu keluaran supaya menjadi lebih berguna			1
	C2	- Memproses buah jambu batu menjadi jus jambu batu			1
	F3	- Nilai faedah milikan			1
	H3	- Pertukaran milik daripada seorang yang tidak memerlukan barang itu kepada orang lain			1
	C3	- Menjual jus buah jambu batu kepada pelanggan			1
	Mana-mana 2F + 2H + 2C				[6 m]

Soalan	Butiran		Markah
1 (c) (i)	F1	- P ialah industri ekstraktif	1
	H1	- Merupakan industri peringkat pertama/primer/mengeluarkan bahan mentah dari alam semula jadi	1 [2 m]
1 (c) (ii)	F2	- Q ialah industri pembinaan	1
	H2	- Merupakan industri peringkat kedua/sekunder/aktiviti pemasangan barang siap/separa siap	1 [2 m]
1 (d)	H1	- Aktiviti/ proses jual beli/ pindah milik	1
	H2	- barang/perkhidmatan	1
	H3	- untuk mendapat keuntungan	1
			[3 m]
1 (e)	H1	- Mengelakkan lebihan / kurangan barang di pasaran	1
	H2	- Meluaskan pasaran / menggalakkan perniagaan antarabangsa	1
	H3	- Menggalakkan pengeluaran secara besar-besaran	1
	H4	- Mengurangkan kos penyimpanan stok	1
	H5	- Mempelbagaikan pilihan pengguna	1
	H6	- Membantu pertumbuhan ekonomi / pembangunan negara	1
	H7	- Menyebarluaskan hasil ciptaan / sains teknologi	1
	H8	- Menggalakkan pergerakan tenaga buruh	1
	H9	- Menggelakkan pembaziran	1
	H10	- Menggalakkan pengaliran modal / industri pelancongan	1
	Mana-mana 6H		[6 m]

Soalan	Butiran			Markah
2 (a) (i)	- Perniagaan runcit kecil-kecilan			1 [1 m]
2 (a) (ii)	F1 - Menjual mengikut permintaan pengguna H1 - Menjual secara kecil-kecilan mengikut permintaan F2 - Menyediakan pelbagai jenis barang untuk pilihan pengguna H2 - Menyediakan banyak pilihan / jenama barang F3 - Menjalankan kerja akhir H3 - Seperti menggred / menimbang / membungkus / melabel / meletak tanda harga F4 - Menyimpan stok / memperagakan barang H4 - Memastikan bekalan mencukupi F5 - Menjual secara kredit H5 - Kemudahan disediakan kepada pelanggan tetap / dipercayai F6 - Menyediakan perkhidmatan selepas jualan H6 - Menghantar barang / memasang / membaiki kerosakan F7 - Terletak berhampiran dengan pelanggan H7 - Menjimatkan masa / kos tambang F8 - Memberi khidmat nasihat H8 - Berkaitan jenis / mutu / jenama / harga / cara penggunaan sesuatu barang / keluaran baru di pasaran F9 - Memberi maklumat pasaran H9 - Sambutan / citarasa pengguna terhadap produk	Mana-mana 3F+ 3H	Maks [6 m]	
2 (b) (i)	- Perniagaan Ilham Sdn Bhd			1 [1 m]
2 (b) (ii)	H1 - Kos angkutan telah diambil kira pada harga yang dinyatakan/ dalam sebut harga H2 - Pembeli tidak perlu membayar kos angkutan/ ditanggung oleh Perniagaan Ilham Sdn Bhd			1 1 [2 m]

Soalan	Butiran	Markah
2 (b) (iii)	H1 - Memberitahu pembeli maklumat barang yang telah dijual H2 - Memberitahu jumlah hutang yang perlu dibayar H3 - Berfungsi sebagai resit jika ada catatan “ telah dibayar” oleh penjual	1 1 1
	Mana-mana 2H	Maks
		[2 m]
2 (b) (iv)	L1 - $\frac{5}{100} \times \text{RM}6400$ L2 - = RM320 L3 - RM6400 – RM320 ATAU L4 - = RM6080	1 1 1 [3m]
	* Jika calon terus ke langkah pengiraan L3 dan L4	1+1
	* Jika calon memberi jawapan RM6080, tanpa langkah pengiraan	[2 m]
2 (c) (i)	- Sewa beli	1 [1 m]
2 (c) (ii)	H1 - Dapat menambahkan jualan kerana menjual barang bernilai tinggi H2 - Boleh menokok / menambah unsur faedah ke dalam harga jualan H3 - Boleh menarik balik barang jika bayaran ansuran tidak dibuat	1 1 1 [3 m]
2 (d) (i)	H1 - Menyatakan dari negara mana barang tersebut berasal H2 - Disediakan oleh pengekspor H3 - Disahkan oleh dewan perniagaan negara pengekspor H4 - Digunakan oleh kastam untuk menentukan samada barang dikenakan / dikecualikan duti import / kuota / duti keutamaan	1 1 1 1
	Mana-mana 2H	Maks
		[2 m]

Soalan	Butiran	Markah
2 (d) (ii)	<p>F1 - Menjimatkan kos / meningkatkan kualiti barang</p> <p>H1 - Menambahkan jualan / keuntungan pengeluar</p> <p>F2 - Meluaskan pasaran</p> <p>H2 - Pasaran tidak terhad kepada pelanggan dalam negara sahaja / pasaran seluruh dunia</p> <p>F3 - Pengeluaran berskala besar / besar-besaran</p> <p>H3 - Dapat menikmati faedah ekonomi bidangan</p> <p>F4 - Menjamin bekalan sumber berterusan</p> <p>H4 - Boleh mengimport dari negara luar</p> <p>F5 - Pertukaran pengetahuan / teknologi</p> <p>H5 - Penemuan baru / inovasi yang berlaku dapat disebarluaskan dengan mudah ke negara lain</p>	<p>1</p>

Mana-mana 2F 2H

Maks

[4 m]

Soalan	Butiran			Markah																				
3 (a) i)	Kegiatan industri IKS Perniagaan B ialah F1 - Berasaskan sumber H1 - Produknya menggunakan sumber tempatan dalam proses pengeluaran produk sos C1 - Berasaskan cili/tomato			1 1 1																				
			1F+1H+1C	[3 m]																				
ii)	Dua sumbangan Perniagaan B kepada masyarakat ialah : F1 - Menyediakan peluang pekerjaan H1 - Syarikat mengambil pekerja dari penduduk setempat F2 - Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat /pengguna H2 - Sos cili/tomato yang dikeluarkan memenuhi keperluan Pengguna di utara tanah air F3 - Peluang menggunakan kebolehan dan kreativiti individu H3 - Mereka menghasilkan ramuan sos cili/tomato yang menggunakan sumber tempatan seperti cili/tomato			1 1 1 1 1 1																				
		Mana-mana 2F +2H	Maks	[4 m]																				
iii)	Perbezaan antara Perniagaan A dan Perniagaan B ialah :	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th></th> <th>Perniagaan A</th> <th></th> <th>Perniagaan B</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>B1</td> <td>Perkongsian</td> <td>B1</td> <td>Syarikat Sendirian Berhad</td> </tr> <tr> <td>B2</td> <td>Modal disumbang oleh rakan kongsi Husin dan rakan</td> <td>B2</td> <td>Diperolehi dari terbitan syer/jualan syer kepada rakan / saudara</td> </tr> <tr> <td>B3</td> <td>Diuruskan oleh rakan kongsi aktif</td> <td>B3</td> <td>Lembaga pengarah</td> </tr> <tr> <td>B4</td> <td>Menanggung liabiliti tidak terhad</td> <td>B4</td> <td>Menanggung liabiliti terhad</td> </tr> </tbody> </table>		Perniagaan A		Perniagaan B	B1	Perkongsian	B1	Syarikat Sendirian Berhad	B2	Modal disumbang oleh rakan kongsi Husin dan rakan	B2	Diperolehi dari terbitan syer/jualan syer kepada rakan / saudara	B3	Diuruskan oleh rakan kongsi aktif	B3	Lembaga pengarah	B4	Menanggung liabiliti tidak terhad	B4	Menanggung liabiliti terhad	1+1 1+1 1+1 1+1	
	Perniagaan A		Perniagaan B																					
B1	Perkongsian	B1	Syarikat Sendirian Berhad																					
B2	Modal disumbang oleh rakan kongsi Husin dan rakan	B2	Diperolehi dari terbitan syer/jualan syer kepada rakan / saudara																					
B3	Diuruskan oleh rakan kongsi aktif	B3	Lembaga pengarah																					
B4	Menanggung liabiliti tidak terhad	B4	Menanggung liabiliti terhad																					
		Mana-mana 3F + 3H	Maks																					
				[6 m]																				

Soalan	Butiran	Markah
3 (b) (i)	F1 - Koperasi Prinsip koperasi F1 - Keanggotaan secara demokrasi oleh anggota F2 - Kawalan secara demokrasi oleh anggota F3 - Kebebasan dan autonomi F4 - Penglibatan dalam pendidikan/ latihan/ sebaran maklumat F5 - Prihatin terhadap kebajikan masyarakat/ sosial Mana-mana 3F	1m 1 1 1 1 1 Maks
3 (c) i)	Dua jenis pelaburan yang berisiko rendah ialah : F1 - Simpanan tetap H1 - Melabur dengan cara selamat/cara menabung dalam akaun simpanan tetap F2 - Unit amanah/ Unit amanah saham/ hartaanah/ gilts H2 - Diuruskan secara professional/mengumpul wang daripada orang ramai dan melabur ke dalam saham syarikat/bangunan, hartaanah/ bon kerajaan	 1 1 1 [3 m]
ii)	Peranan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ialah : H1 - Menyediakan tempat pasaran saham H2 - Membolehkan saham ditunaikan H3 - Menyebarluaskan maklumat kewangan syarikat H4 - Melindungi kepentingan para pelabur H5 - Membantu mengumpul modal untuk pembangunan	 1 1 1 Maks
		 [4 m]

Soalan	Butiran				Markah																			
4 (a) (i)	F1 - X - Perbankan Konvensional F2 - Y - Perbankan Islam				1 1 [2 m]																			
(ii)	Perbezaan X dan Y ialah :																							
	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>Perbankan konvensional(X)</th> <th></th> <th>Perbankan Islam (Y)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>B1</td> <td>Berlandaskan pemberian faedah</td> <td>B1</td> <td>Mengamalkan konsep perkongsian untung rugi</td> </tr> <tr> <td>B2</td> <td>Akta perbankan dan insitusi kewangan 1989</td> <td>B2</td> <td>Akta Perbankan Islam 1983</td> </tr> <tr> <td>B3</td> <td>Kebebasan pelaburan untuk memaksimumkan keuntungan</td> <td>B3</td> <td>Pelaburan bebas daripada ketidakpastian/gharar/dan perjudian/ Maisir</td> </tr> <tr> <td>B4</td> <td>Penasihat Pakar perbankan</td> <td>B4</td> <td>Penasihat para ulama/ahli majlis penasihat Syariah</td> </tr> </tbody> </table>		Perbankan konvensional(X)		Perbankan Islam (Y)	B1	Berlandaskan pemberian faedah	B1	Mengamalkan konsep perkongsian untung rugi	B2	Akta perbankan dan insitusi kewangan 1989	B2	Akta Perbankan Islam 1983	B3	Kebebasan pelaburan untuk memaksimumkan keuntungan	B3	Pelaburan bebas daripada ketidakpastian/gharar/dan perjudian/ Maisir	B4	Penasihat Pakar perbankan	B4	Penasihat para ulama/ahli majlis penasihat Syariah			1 + 1 1 + 1 1 + 1 1 + 1
	Perbankan konvensional(X)		Perbankan Islam (Y)																					
B1	Berlandaskan pemberian faedah	B1	Mengamalkan konsep perkongsian untung rugi																					
B2	Akta perbankan dan insitusi kewangan 1989	B2	Akta Perbankan Islam 1983																					
B3	Kebebasan pelaburan untuk memaksimumkan keuntungan	B3	Pelaburan bebas daripada ketidakpastian/gharar/dan perjudian/ Maisir																					
B4	Penasihat Pakar perbankan	B4	Penasihat para ulama/ahli majlis penasihat Syariah																					
				Mana-mana 3B+3B	Maks	[6 m]																		
4 (b) (i)	- Akaun simpanan				1 m																			
(ii)	F1 - Wang boleh disimpan dengan selamat F2 - Faedah akan dibayar ke atas simpanan F3 - Pengeluaran dapat dilakukan pada bila-bila masa F4 - Pengeluaran juga boleh dibuat di mana-mana cawangan F5 - Penyimpan diberi kemudahan kad teler automatic(ATM) F6 - Wang tunai/ draf bank/ cek / wang pos boleh dilakukan				1 1 1 1 1 1																			
					Maks	[3 m]																		
(c) (i)	- RM 20 000 F1 - Berdasarkan prinsip sumbangan F2 - Insurans bukan untuk mendapatkan keuntungan F3 - Insurans bertujuan untuk memulihkan kepada keadaan asal/ sedia kala				[1 m] 1 1 1																			
					Maks	[3 m]																		

Soalan	Butiran	Markah
(ii)	H1 - membolehkan perniagaan dijalankan dengan selamat H2 - dapat melindungi peniaga/ Haji Abdul Rahman daripada kerugian akibat risiko yang diinsuranskan H3 - Risiko kecurian /kebakaran/pecah amanah/tuntutan pihak ketiga H4 - peniaga/ Haji Abdul Rahman boleh menumpu usaha /perhatian untuk mengembangkan perniagaan H5 - Memulihkan perniagaan Haji Abdul Rahman	1 1 1 1 1
		Maks [3 m]
4 (d)	Kebaikan saluran paip : F1 - Mudah dan cepat H1 - Tidak melibatkan sebarang kerja pemunggahan F2 - Selamat H2 - Dipasang di dalam tanah/mengurangkan risiko kebakaran/kecurian F3 - Menjimatkan kos pengangkutan H3 - Dihantar terus dari tempat sumber ke tempat pemprosesan	1 1 1 1 1 1
		3F+3H [6 m]

Soalan	Butiran	Markah
5 (c)	H1 - Menyampaikan maklumat H2 - Mewujudkan pasaran baru H3 - Mengelakkan pasaran sedia ada H4 - Meningkatkan jualan/ keuntungan H5 - Memantapkan imej H6 - Mengatasi pesaing	1 1 1 1 1 1
		Maks [4 m]
5 (d) (i)	F1 - Iklan memujuk	1 [1m]
(d) (ii)	H1 - Memujuk/ mempengaruhi pengguna membeli/ ubat pelangsing H2 - Menonjolkan kelebihan jenama asliri / ubat pelangsing H3 - Mengubah persepsi pembeli mengenai produk/ ubat pelangsing H4 - Menggalakkan pembeli membeli dengan segera/ serta merta/ dapat diskaun 5%	1 1 1 1 1 [4 m]
(e)	F1 - Pengguna dapat menggunakan barang/ calendar/ payung H1 - Kalendar/ payung digunakan untuk jangka masa yang lama/ berkesan F2 - Menyelitkan gambar / iklan bergambar pada helaian kalender/ payung H2 - Pengguna tertarik untuk mendapatkan barang/ perkhidmatan	1 1 1 1 1 [4 m]

Soalan	Butiran	Markah
6 (a)	<p>F1 - Berani menghadapi risiko</p> <p>H1 - meletak jawatan sebagai penyelia / membuka perniagaan bermodalkan RM680,000</p> <p>F2 - Kebolehan untuk menjayakan sesuatu</p> <p>H2 - Mendirikan sebuah syarikat /perniagaan perabot</p> <p>F3 - Inovatif/ kreatif</p> <p>H3 - Membuat perabot rekaannya sendiri</p> <p>F4 - Berpandangan jauh/ bijak merebut peluang/ yakin diri</p> <p>H4 - Yakin pasaran perabot semakin berkembang</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
	Manfaat 3F+3H	Maks
6 (b)	<p>F1 - Mewujudkan peluang pekerjaan</p> <p>H1 - Mengupah 20 orang pekerja tetap</p> <p>F2 - Memenuhi keperluan / kehendak masyarakat</p> <p>H2 - Membuat perabot yang cantik/ berkualiti</p> <p>F3 - Penemuan/ ciptaan baru</p> <p>H3 - Mencipta perabot rekaan sendiri/ yang terkini</p> <p>F4 - Meningkatkan taraf hidup</p> <p>H4 - Menikmati perabot yang berkualiti</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
	Manfaat 3F+ 3H	Maks
		[6 m]

Soalan	Butiran	Markah
6 (c)	<ul style="list-style-type: none"> - Jawapan :Ya <p style="text-align: center;">Alasan Ya:</p> <ul style="list-style-type: none"> F1 - Dana/modal pemegang syer H1 - Modal tidak melebihi RM2.5 juta C1 - Modal Syarikat RM680,000 <ul style="list-style-type: none"> F2 - Jumlah pekerja tetap/ sepenuh masa H2 - Tidak melebihi 150 orang C2 - Pekerja tetap Encik Asri 20 orang <ul style="list-style-type: none"> F3 - Nilai Jualan Tahunan H3 - Jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta C3 - Jualan syarikat RM2 juta <p style="text-align: right;">Mana-mana 2F+2H+2C</p>	1 [1m]
	Jawapan :Tidak	[1 m]
6 (d)	<ul style="list-style-type: none"> F1 - Pembiayaan aset tetap F2 Pembiayaan modal kerja F3 - Skim kilang bimbingan F4 Tabung usahawan baru F5 Skim modal asas untuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) 	1 1 1 1 1
	Mana-mana 2F	Maks
6 (e)	<ul style="list-style-type: none"> F1 - Kesedaran mengkritik H1 - Pengguna bertanggungjawab mempersoalkan tentang harga/ kualiti perabot Syarikat Bahagia Sdn Bhd F2 - Penglibatan dan tindakan H2 - Pengguna bertanggungjawab melibatkan diri dalam kegiatan sosial/ persatuan pengguna yang memelihara kepentingan pengguna F3 - Tanggungjawab sosial H3 - bertindak dengan timbangrasa/ tindak tanduk tidak menjejaskan golongan pengguna lain 	1 1 1 1 1 1
	Mana-mana 2F+2H	Maks
		[4 m]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT